

Sarawak komited tingkat kualiti sistem kesihatan awam

Kemudahan kesihatan di Sarawak sentiasa dipastikan mampu penuhi kapasiti keperluan masa depan rakyat: Abg Johari

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud

BINTULU: Kerajaan Sarawak amat komited meningkatkan kualiti serta prestasi sistem kesihatan awam dengan sentiasa memastikan kemudahan kesihatan negeri ini memenuhi kapasiti keperluan masa depan rakyat.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, pihaknya menghargai usaha Yayasan St John Ambulans Malaysia-Kawasan Pantai Selangor (SJAM-KPS) bergerak bersama kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakan pembangunan lain dalam membawa penyampaian perkhidmatan kesihatan awam berkualiti di Sarawak.

Katanya, usaha proaktif Yayasan SJAM-KPS menyediakan rawatan kesihatan kepada masyarakat khususnya perkhidmatan rawatan dialisis diharap lebih mudah diakses untuk pesakit memerlukan serta lebih banyak pusat dibangunkan untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

"Saya pasti ia menyumbang kepada pencapaian agenda pembangunan kesihatan negara," ujarnya dalam teks ucapan yang dibacakan Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Penguang Manggil pada perasmian Pusat Hemodialisis Bintulu SJAM-KPS (Stesen 10) di sini, semalam.

Justeru, Abang Johari berbangga dengan Yayasan SJAM-KPS kerana berjaya mewujudkan pusat hemodialisis di Bintulu sebagai usaha kebajikan membantu komuniti setempat sejajar dengan keinginan kerajaan mengukuhkan kesejahteraan hidup masyarakat memerlukan rawatan dialisis.

Beliau berkata, pihaknya menyedari kencing manis (diabetes) dan tekanan darah tinggi (hipertensi) adalah dua penyakit antara punca biasa penyebab penyakit buah pinggang sehingga membawa kepada kegagalan fungsinya.

"Penyakit kritikal adalah satu isu kesihatan yang serius di Malaysia yang mengakibatkan bebanan signifikan kepada sistem kesihatan awam dan pembangunan sosioekonomi semasa," jelasnya.

Katanya, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin semasa melancarkan Duta Ginjal dan Program Pendidikan



RASMI: Penguang menandatangani plak simbolik perasmian Pusat Hemodialisis Bintulu SJAM-KPS sambil disaksikan Yeo (kiri) dan Lim (tengah) serta tetamu lain.

“Penyakit kritikal adalah satu isu kesihatan yang serius di Malaysia yang mengakibatkan bebanan signifikan kepada sistem kesihatan awam dan pembangunan sosioekonomi semasa.”

Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg
Premier Sarawak

Pradialisis di Putrajaya pada Mac lalu menyatakan jumlah purata pesakit buah pinggang setiap tahun adalah 8,000 orang.

Jelasnya, data terkini ‘Malaysian Dialysis and Transplantation Registry’ melaporkan seramai 49,111 pesakit menjalani dialisis di Malaysia dengan kebanyakannya secara hemodialisis manakala selebihnya peritoneal dialisis.

"Ini satu petanda membimbangkan sekiranya trend ini berterusan dengan seramai 106,000 pesakit buah pinggang kronik di Malaysia memerlukan rawatan dialisis pada 2040.

"Turut dinyatakan 61 peratus pesakit baharu memerlukan rawatan dialisis adalah penghidap diabetes, 16 peratus menderita tekanan darah tinggi sebahagian besar berpunca daripada tabiat pemakanan dan gaya hidup moden tidak sihat," katanya sambil menambah, penyakit kronik buah pinggang (CKD) datang tanpa amaran dan 90 peratus simptomnya hanya disedari selepas buah pinggang rosak.

Menurutnya, ini sebab pentingnya pemeriksaan kesihatan lebih kerap dilakukan untuk mengesan penyakit terbahit lebih awal.

Katanya, kerajaan Sarawak memberi penekanan besar mengenai kepentingan kebajikan dan kualiti penjagaan kesihatan kepada rakyat negeri ini dan satu daripada usahanya adalah melalui pencegahan dibuat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Antaranya melalui kempen menggalakkan ujian Kadar Glomerular Filtration (GFR) untuk pesakit berpotensi menghidap CKD khususnya mempunyai tekanan darah tinggi dan diabetes supaya mereka lebih berjajaga tahap kesihatan buah pinggang.

"Sebagai sebahagian usaha itu, platform www.my-buahpinggang.com iaitu modul khas dibangunkan oleh sekumpulan pakar perubatan pesakit buah pinggang peringkat empat dan lima mendapat maklumat sekaligus membantu mereka mendapat rawatan menjalani kehidupan berkualiti," jelas-

nya.

Beliau berkata, modul bukan program pendidikan pradialisis turut dihasil dan dibangunkan dengan sokongan sistem penjagaan kesihatan Malaysia dan kerjasama KKM, Perkhidmatan Nefrologi, Persatuan Nefrologi Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Malaysia dan AstraZeneca.

Katanya, melalui modul ini dijangkakan mereka dapat memberi maklumat kepada pesakit dan ahli keluarga melalui penglibatan cabaran berkaitan penyakit buah pinggang dan cara menjalani kehidupan sihat.

"Kita menghargai Yayasan SJAM-KPS proaktif memberi sokongan dan maklum balas melalui penglibatan menyediakan rawatan berkualiti bagi pesakit mendapatkan perkhidmatan rawatan buah pinggang di Bintulu dan Sibul sekali gus memperlihatkan komitmen membantu pesakit berpendapatan rendah," katanya.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Yayasan SJAM-KPS Datuk Yeo Kim Thong, Pengerusi Penganjur Dr Lim Tee Leong, bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, Residen Bahagian Bintulu Datu Jack Aman Lut, Lembaga Amanah Yayasan SJAM-KPS, Pengarah Hospital Bintulu Dr Suzalina Sulaiman, Datuk Dr Lim Sin Boon, Datuk Seri Jessy Lai Chai, Datuk Tan Kang Sang dan bekas Pengerus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) Datu Mohidin Ishak.